



Lembaran Fakta

Polisi Flexi PA Partner

TOKIO MARINE
INSURANCE GROUP

Polisi Flexi PA Partner akan membayar pampasan kepada anda bagi kecederaan anggota badan akibat kemalangan yang mana kecederaan ini sepenuhnya dan bebas daripada apa-apa sebab lain mengakibatkan anda mengalami hilang upaya atau menyebabkan anda perlu menjalani rawatan perubatan dan/atau pembedahan, atau sekiranya berlaku kematian, pampasan akan dibayar kepada waris anda yang dinamakan atau wakil diri anda yang sah.

Had Umur

16 hingga 65 tahun

Perlindungan

Polisi Flexi PA Partner menyediakan perlindungan 24 jam di seluruh dunia termasuklah kematian akibat kemalangan atau kecederaan anggota badan yang disebabkan oleh:

- Semasa mengambil bahagian dalam apa-apa sukan sebagai seorang amateur yang tidak dikecualikan secara khusus oleh polisi ini
- Mogok, rusuhan dan kekacauan awam
- Menunggang motosikal sebagai penunggang atau pembonceng (tidak termasuk semasa terlibat dalam perlumbaan, penentuan kecepatan, pertandingan kelajuan, ujian kebolehpercayaan), dengan syarat bahawa merupakan syarat terdahulu kepada liabiliti bahawa anda memiliki lesen memandu yang sah melainkan pada masa kemalangan itu anda adalah pembonceng
- Mati lemas, kelemasan akibat asap atau gas beracun
- Keracunan makanan dan/atau minuman
- Gigitan serangga, gigitan ular dan gigitan haiwan yang memudarangkan tetapi tidak termasuk penyakit yang disebarluaskan oleh serangga tersebut
- Perampasan sama ada di dalam pesawat udara, kapal atau mana-mana pengangkutan awam lain
- Kelenyapan atau pendedahan kepada elemen
- Pembunuhan dan serangan yang tidak diberangsangkan

Manfaat

- Kematian
- Hilang Upaya Kekal
- Hilang Upaya Menyeluruh/Separa Sementara (Opsyenal)
- Rawatan Perubatan dan Pembedahan (Opsyenal)
- Perbelanjaan Pengebumian/Penghantaran Pulang sebanyak 3% daripada jumlah modal diinsuranskan atau maksimum RM3,000.00 sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan yang dilindungi
- Bayaran Ambulans sehingga RM200.00 bagi setiap kemalangan
- 10% bonus pembaharuan sehingga 3 tahun dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat

Pengecualian Utama

- Peperangan dan risiko berkaitan
- Membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau sebarang cubaan
- Kecacatan atau keuzuran fizikal dan mental yang sedia ada
- Penyakit, jangkitan, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) dan/atau penyakit yang berkaitan dengan HIV
- Melahirkan anak, keguguran, kehamilan atau apa-apa sahaja komplikasinya melainkan disebabkan oleh kemalangan secara langsung atau tidak langsung
- Terbang sebagai juruterbang atau anak kapal di dalam mana-mana pesawat udara melainkan sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam pesawat udara yang dilesenkan untuk perkhidmatan penumpang
- Perbuatan jenayah
- Sebarang jenis aktiviti sukan profesional

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad

198601000381 (L49520-U)

Level 20, Menara Hap Seng 3, Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia.

T: (03) 2027 8200 / 2789 8800 F: (03) 2022 2295 Customer Service Hotline: 1800 88 0812

tokiomarine.com

A member of the
Tokio Marine Group

- Aktiviti sukan yang berbahaya seperti mendaki gunung yang memerlukan penggunaan tali, menjelajah gua, terjun dengan payung terjun, peluncuran gantung, berburu, sebarang jenis perlumbaan (melainkan menggunakan kaki), selam skuba, terjun bungee dan terjun luncur air
- Kemalangan radioaktif dan bahan senjata nuklear

Sila rujuk Polisi Flexi PA Partner anda untuk senarai penuh pengecualian.

Kepentingan Boleh Insurans

Sekiranya anda mengambil insurans untuk nyawa orang lain, hubungan antara anda dengan Orang yang Diinsuranskan hendaklah dipastikan pada permulaan.

Asas Jumlah Diinsuranskan

Insurans Flexi PA Partner merupakan polisi manfaat, justeru itu tiada garis panduan tentang berapa banyak perlindungan jumlah diinsuranskan yang boleh diambil oleh seseorang Orang yang Diinsuranskan. Mengikut amalan biasa, jumlah diinsuranskan adalah tiga hingga lima kali gaji tahunan Orang yang Diinsuranskan.

Berikut ialah panduan untuk memperoleh jumlah yang diinsuranskan :

1)	Kematian & Hilang Upaya Kekal	Orang yang Diinsuranskan bebas untuk memilih sebarang amaun sebagai jumlah modal diinsuranskan tetapi tidak lebih daripada 5 kali pendapatan tahunan Orang yang Diinsuranskan
2)	Sementara (TTD) - seminggu	Hilang Upaya Menyeluruh Amaun yang akan diinsuranskan di bawah manfaat ini adalah berdasarkan kepada 75% daripada pendapatan mingguan
3)	Hilang Upaya Separa Sementara - seminggu	Amaun yang akan diinsuranskan di bawah manfaat ini 50% daripada TTD
4)	Perbelanjaan Perubatan	Orang yang Diinsuranskan bebas memilih sebarang amaun. Biasanya amaun tersebut ialah di antara 5 hingga 10 peratus daripada jumlah modal diinsuranskan

Pengelasan Pekerjaan

Pengkadaran adalah berdasarkan pekerjaan Orang yang Diinsuranskan dan pengelasan pekerjaan berikut hanyalah sebagai panduan sahaja:

- | | |
|---------|---|
| Kelas 1 | - Orang yang terlibat dalam kerja profesional, pentadbiran, pengurusan, perkeranian dan kerja bukan buruh kasar, misalnya Akauntan, Penjual bunga, Kerani, Guru |
| Kelas 2 | - Orang yang terlibat dalam kerja-kerja penyeliaan tetapi tidak terlibat dalam kerja kasar, dan personel jualan, misalnya Ejen (melibatkan pelancongan/perjalanan), Tukang Masak/Chef, Pembantu Kedai |
| Kelas 3 | - Orang yang terlibat dalam kerja kasar yang melibatkan penggunaan alatan atau mesin, misalnya Tukang Cat, Penghantar, Juruteknik, Pembaiki Motor |

Kewajipan Pendedahan

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans anda.

- Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Sumbangan

- Jika Perbelanjaan Perubatan akan dibayar di bawah polisi ini, dan terdapat mana-mana insurans lain yang memberi perlindungan yang sama, maka kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbangkan lebih banyak daripada bahagian kadar mana-mana tuntutan tersebut.

Bayaran Premium

- Premium mesti dibayar kepada pengantara insurans anda atau secara terus kepada pihak kami
- Bayaran boleh dibuat sama ada dengan tunai, kad kredit atau cek (cek hendaklah dibayar atas nama **Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad**)
- Sila minta resit bagi premium yang dibayar
- Hubungi pihak kami jika polisi anda tidak diterima selepas satu bulan dari tarikh pembelian

APA YANG HARUS ANDA LAKUKAN Sekiranya Berlaku Kecederaan

Pemberitahuan Tuntutan

- Anda harus memberitahu pihak kami secara bertulis mengenai semua butiran tentang kejadian/kemalangan secepat mungkin dalam lingkungan masa yang ditetapkan dalam polisi anda. Anda dikehendaki membuat pemberitahuan seawal mungkin bagi mengelakkan sebarang prasangka terhadap tuntutan anda. Jika terlibat dalam kemalangan yang serius, anda dikehendaki membuat laporan polis dengan serta-merta.

Pengemukaan Tuntutan

- Anda harus mengemukakan tuntutan anda dengan melampirkan semua informasi dan dokumen sokongan seperti yang diminta oleh pihak kami dengan secepat mungkin. Jika adjuster/penyiasat dilantik oleh pihak kami, maka anda dikehendaki memberikan kerjasama sepenuhnya kepada mereka dalam proses penilaian kami terhadap tuntutan anda.

Kewajipan Pendedahan Maklumat Tuntutan

- Anda dikehendaki memberikan jawapan secara jujur dalam Borang Tuntutan kerana sebarang pernyataan salah atau penyembunyian boleh memudaratkan tuntutan anda.

Pampasan / Indemniti

- Pihak kami akan membayar ganti rugi ke atas kematian atau kecederaan (Hilang Upaya Kekal) berdasarkan “Jadual Manfaat” yang dilampirkan pada polisi ini. Bagaimanapun, bagi tuntutan seperti perbelanjaan perubatan, anda akan dibayar ganti rugi berdasarkan asas bayaran balik ke atas jumlah sebenar yang ditanggung anda dengan tertakluk kepada had yang ditetapkan dalam polisi ini. Anda tidak boleh membuat tuntutan berbilang terhadap perbelanjaan perubatan.

BAGAIMANA MENGEMUKAKAN Aduan Dan Jalan Penyelesaian Yang Ada



Tulis kepada :

1. Pusat Hubungan Bersepadu Bank Negara Malaysia melalui bnmtelelink@bnm.gov.my, atau
2. pengantara insurans Ombudsman Perkhidmatan Kewangan.

Sebagai alternatif, anda boleh melawat terus ke kaunter BNMLINK untuk menfaikan aduan anda (sila rujuk kepada www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm) atau anda boleh membawa kes anda ke mahkamah.

Untuk maklumat lanjut mengenai Tokio Marine serta produk dan perkhidmatan kami, sila layari laman web kami www.tokiomarine.com.

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.